

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' MANSOR BIN
OTHMAN [NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan dengan cadangan dasar untuk menilai semula peranan dan bidang tugas SPR ekoran dari banyak bantahan yang disuarakan oleh pelbagai pihak berkaitan dengan isu persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya cadangan SPR baru-baru ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri dilaksanakan berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (a) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (b) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (c) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran

perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan

(d) Memelihara hubungan tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sekiranya ada mana-mana pihak ingin membuat apa-apa representasi atau bantahan mengenai syor, bolehlah berbuat demikian semasa tempoh pameran namun ia perlu dikemukakan secara rasmi mengikut saluran dan tatacara yang ditetapkan oleh Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. SPR akan mendengar penjelasan mengenai bantahan tersebut melalui Siasatan Tempatan yang akan diadakan sekiranya pembantah adalah daripada 3 kategori yang ditetapkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan iaitu:

(a) Kerajaan Negeri;

(b) Pihak Berkuasa Tempatan; dan

(c) Sekumpulan orang seramai satu ratus orang atau lebih yang nama mereka ditunjukkan dalam daftar pemilih yang dinyatakan dalam Notis bagi bahagian-bahagian pilihan raya yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.